



MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

مجلس داء ڤره قڤراق تڤه

LAPORAN TAHUNAN

2021

BANDAR
UNIVERSITI
大學
HUA YANG BERHAD

PENGENALAN

02	Perutusan Yang Dipertua
03	Sejarah Penubuhan MDPT
04	Visi, Misi dan Objektif
05	Latar Belakang
06	Kawasan Pentadbiran MDPT
07	Maklumat Asas
08	Senarai Ahli Majlis
09	Carta Organisasi
10	Barisan Kepimpinan MDPT

LAPORAN JABATAN

11	Jabatan Khidmat Pengurusan
14	Jabatan Perbendaharaan
16	Jabatan Perancangan Pembangunan
19	Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan
21	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
23	Jabatan Kesihatan Awam dan Pekhidmatan Perbandaran
26	Unit Pusat Setempat (OSC)
28	Unit Perhubungan Awan dan Hal Ehwal Komuniti
31	Unit Undang-Undang
32	Unit Penguatkuasa

LAPORAN AKTIVITI

33	Majlis Jasamu Dikenang
34	Covid-19
35	Majlis Angkat Sumpah
36	Kempen Pengurangan Kompaun
37	Lawatan YB Exco Pelancongan
38	Program Gotong Royong
39	Perhimpunan Anggota
40	Penyerahan Bendera Sempena Keputeraan DYMM Sultan Perak
41	Majlis Berkhatan

KANDUNGAN

PERUTUSAN YANG DIPERTUA



Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, kita telah sama-sama dapat menempuh pelbagai cabaran sepanjang tahun 2021 dengan jayanya. Justeru, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas komitmen tidak berbelah bagi yang telah diberikan oleh setiap warga kerja Majlis Daerah Perak Tengah dalam menjayakan pelbagai perancangan dan program untuk mencapai kejayaan demi kejayaan sehingga terhasilnya Buku Laporan Tahunan ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih terhadap semua petugas barisan hadapan Majlis Daerah Perak Tengah yang bertungkus-lumus dan bermandi keringat dalam usaha mendepani pandemik Covid-19 demi kesejahteraan masyarakat khususnya warga daerah Perak Tengah

Laporan ini mengandungi rujukan bagi fungsi setiap jabatan, pencapaian prestasi, rangkuman aktiviti, kemajuan pembangunan serta perancangan masa depan sejajar dengan visi Majlis Daerah Perak Tengah untuk menjadi Peneraju kearah Kawasan Perbandaran Perak Tengah yang Progresif dan Sejahtera Menjelang Tahun 2025. Akhir kata, saya amat berharap agar prestasi cemerlang yang telah dicapai bukan sahaja dapat dikekalkan malah dijadikan pemangkin untuk mempertingkatkan lagi kecemerlangan pada tahun-tahun akan datang.

MOHD SYUKRI BIN AZAARI, AMP
Yang Dipertua
Majlis Daerah Perak Tengah

PENGENALAN



SEJARAH PENUBUHAN



SEBELUM



SEJARAH



Daerah Kecil Parit dalam Daerah Kuala Kangsar dan Kampong Gajah dalam Daerah Hilir Perak. Perak Tengah bersempadan dengan Daerah Kuala Kangsar di sebelah Utara, Daerah Kinta di sebelah selatan, Daerah Hilir Perak di sebelah timur dan Daerah Manjung di sebelah barat.

1979



KELUASAN



Meliputi kawasan seluas kira-kira 127,946 hektar (1,279.46 km persegi) yang merangkumi 11 buah mukim iaitu :

1. Belanja
2. Layang-layang
3. Bota
4. Lambor
5. Pulau Tiga
6. Kampong Gajah
7. Pasir Panjang Ulu
8. Pasir Salak
9. Bandar
10. Kota Setia
11. Jaya Baru

SELEPAS



PENUBUHAN



Ditubuhkan pada 1 Disember, 1979 iaitu setelah diluluskan penubuhannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam perjumpaan Bil.936 bertarikh 20 November, 1979. Penubuhan Majlis Daerah Perak Tengah ini selaras dengan penyusunan semula penguasapenguasa tempatan seluruh Malaysia.

1979



KELUASAN



Kawasan yang menerima perkhidmatan / kawasan operasi Majlis Daerah Perak Tengah meliputi:

1. Parit
2. Simpang Tiga Buluh Akar
3. Tanjung Belanja
4. Bota
5. Seri Iskandar
6. Titi Gantung
7. Kampong Gajah
8. FELCRA Seberang Perak

VISI

Menjadi PBT Terunggul berteraskan Perbandaran Bestari

- Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan efisien dengan berteraskan kepada urus tadbir yang berintegriti
- Mewujudkan Perbandaran dan Persekitaran yang dinamik, kondusif dan berdaya saing
- Mempelbagai sumber hasil untuk memantapkan urustadbir dan perkhidmatan kepada masyarakat

MISI

- Merealisasikan perbandaran beridentiti melalui jalinan kerjasama dan perkongsian pintar
- Melaksana dan menguatkuasa pembangunan mengikut polisi dan garis panduan yang ditetapkan
- Memantapkan dan mengurus sumber hasil dalam mengoptimumkan pengurusan kewangan
- Menambahbaik dan memperkukuhkan keupayaan organisasi untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan
- Merancang dan melaksana perkhidmatan yang berkualiti, proaktif dan realistik ke arah persekitaran perbandaran yang harmoni

OBJEKTIF



LATAR BELAKANG



KELUASAN DAERAH PERAK TENGAH

127,946 hektar.



PECAHAN MUKIM

11 MUKIM

KAWASAN PENTADBIRAN MDPT




KAWASAN KAWALAN
27,913 hektar

KAWASAN OPERASI
15,701 hektar

- 1 Parit**
- 2 Simpang Tiga Buluh Akar**
- 3 Tanjung Belanja**
- 4 Bota**

- 5 Seri Iskandar**
- 6 Titi Gantung**
- 7 Kampong Gajah**
- 8 FELCRA Seberang Perak**

MAKLUMAT ASAS



GUNATANAH SEMASA DAERAH PERAK TENGAH 2015

Sumber : Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030

AHLI MAJLIS MDPT



**TUAN MOHD SYUKRI BIN
AZAARI, AMP**



**HAJI MIOR SHAHRIN BIN
MIOR MOHAMAD YUSOF**



YUSOF BIN NORDIN



**AHMAD MURAD BIN MOHD
JABAR**



**ZAWAWI BIN MAT
GHAZALI**



HALIM BIN ABDULLAH



**AHMAD SHAMIL BIN
MOHAMED**



MUSTAFA BIN MOHAMAD



RIDZWAN BIN MOHAMAD



**SULAIMAN BIN YEOP MAT
ISA**



**ABDUL RAZAK BIN MAT
TAHA**



CHAM SWEE FONG



**ABDUL HALIM BIN
SAMEON**



**MUHAMMAD SALIM BIN
MAT TAIB**



ZAITUN BINTI ISMAIL



ZAFARULAZHAN BIN ZAN



KHAIRUDDIN BIN KADRI



RUSLAN BIN HUSIN



HASHIM BIN MOHD ARIFIIN



**KOMALAM A/P GOVINDAN
NAIR**



MOHD RAZALI BIN YAYHA



**ZAITUL ASHIKIN BINTI AB
AZIZ**



**MEGAT NORKAMZUL SUFI
BIN MEGAT NOORDIN**




**RADHAKRISHNAN A/L
MUNUSAMY**



**AHMAD ZABIDI BIN ABD
SAMAD**

CARTA ORGANISASI



BARISAN KEPIMPINAN MDPT

PENGURUSAN ATASAN



YANG DIPERTUA
TUAN MOHD SYUKRI BIN
AZAARI, AMP



SETIAUSAHA
ENCIK NOR AINURRIDHA BIN
AHMAD MAJDI, AMP

KETUA JABATAN



KETUA JABATAN PERBENDAHARAAN
NOR ALIA BINTI MUZAMUDDIN



KETUA JABATAN KHIDMAT
PENGURUSAN & PENGUARBUASAAN
MOHD HAZWAN BIN AHMAD
DAMANHURI



KETUA JABATAN PENILAIAN &
PENGURUSAN HARTA
MOHD AZMI BIN ZAINUDDIN ZAINAL
ABIDIN



KETUA JABATAN PERANCANGAN
PEMBANGUNAN
KAMARUL IZHAM BIN SAMSUDIN



KETUA JABATAN KESIHATAN AWAM &
PERKHIDMATAN PERBANDARAN
NIKMATUN YUSRO BINTI YANG RAZALI



KETUA JABATAN KEJURUTERAAN
AHMAD TAJUARIPIN BIN OTHMAN

KETUA UNIT



KETUA UNIT PUSAT SETEMPAT
MUHAIMI BIN MOHAMED



KETUA UNIT PERHUBUNGAN AWAM &
HAL EHWAL KOMUNITI
AZRUL NIZAM BIN MD RADZI, PPT



KETUA UNIIT PENGUATKUASA
IMADUDDIN BIN ARIF



KETUA UNIT UNDANG-UNDANG
NURUL FATIMAH BINTI BASRI



KETUA UNIIT BANGUNAN
PUAN SITI SAFIYYAH BINTI MOHD ISA



KETUA UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
MOHAMAD RAHIMI BIN HAMIZI





J A B A T A N

KHIDMAT
PENGURUSAN

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

FUNGSI JABATAN

Jabatan Khidmat Pengurusan merupakan teras pentadbiran Majlis Daerah Perak Tengah yang bertanggungjawab menyelaraskan aktiviti di antara jabatan-jabatan dari segi pentadbiran dan perkhidmatan untuk mencapai objektif Majlis Daerah Perak Tengah.

Antara tugas yang dilaksanakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan adalah seperti berikut:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perancangan tenaga manusia dan pembangunan organisasi :

- Menguruskan pengiktirafan pegawai menerusi Laporan Nilai Prestasi (LNPT), Kenaikan pangkat dan pemangkuan serta urusan penganugerahan.
- Mengurus tatatertib dan pengisytiharan harta pegawai
- Menguruskan program kualiti, program keutuhan dan integriti meningkatkan kompetensi dan keupayaan pegawai dan organisasi.
- Menguruskan hal-hal berkaitan dengan perkhidmatan
- Menyelaraskan dan menguruskan rekod / data perjawatan Jabatan termasuk pengkalan data Sistem Maklumat Pengurusan Personel berdasarkan pelaksanaan HRMIS oleh JPA.

BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

Unit ini bertindak sebagai urus setia terhadap semua urusan Majlis. Ia berperanan di dalam menyelaraskan kerja-kerja yang berkaitan di antara Jabatan-Jabatan di dalam Majlis. Di antara tugas-tugas yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- Urus setia Mesyuarat Penuh Majlis dan Pengurusan.
- Pengurusan Sistem Fail
- Pengurusan Insuran Kenderaan, Harta Benda dan tanggungannya
- Menguruskan surat menyurat
- Pengurusan kemudahan dan peralatan kakitangan

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

GRED	JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL				
WARAN PERJAWATAN: SKP BIL. P97/2019				
52 (T)	YANG DIPERTUA (TERBUKA)	1	1	0
N48	SETIAUSAHA, PEGAWAI TADBIR	1	1	0
N41/N44	PEGAWAI TADBIR	5	5	0
JUMLAH KUMPULAN	7	7	0	
PELAKSANA				
WARAN PERJAWATAN: SKP BIL. P97/2019				
JA36/JA38	PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA	1	1	0
JA29/30/JA36/JA38	PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA	3	3	0
JA29/JA36/JA38	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA	2	2	0
FA29/FA32/FA38 (KUP)	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19	1	1	0
JA29/30/JA36/JA38	PELUKIS PELAN (SENI BINA)/PENOLONG PEGAWAI SENI BINA	2	2	0
W29/W32/W36 (KUP)	PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMBANTU PENILAIAN, GRED N19	1	1	0
U29/U32/U36	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN	1	1	0
N29/N32/N36	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	3	3	0
W29/W32/W36 (KUP)	PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN, KUP. JAWATAN HAKIKI PENOLONG PEGAWAI TADBIR, GRED N29	1	1	0
W29/W32/W36 (KUP)	PENOLONG AKAUNTAN, KUP. JAWATAN HAKIKI PENOLONG PEGAWAI TADBIR, GRED N29	1	1	0
KP22/KP26	PEMBANTU PENGUATKUASA	1	1	0
N22/N26	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	1	1	0
N19/N22/N26	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	16	15	1

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

GRED	JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
W19/W22/W26 (KUP)	PEMBANTU AKAUNTAN, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMBANTU TADBIR (P/O), GRED N19	1	1	0
W19/W22/W26 (KUP)	PEMBANTU PENILAIAN, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19	1	1	0
G19/G22/G26 (KUP)	PEMBANTU PERTANIAN, JAWATAN JUMUD, KUP. JAWATAN HAKIKI PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA, GRED JA29	1	1	0
KP19/KP22/KP26	PEMBANTU PENGUATKUASA	6	6	0
H14/H16	PEMBANTU AWAM	1	1	0
N11/N14/N16 (KUP)	PENGHANTAR NOTIS, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMBANTU OPERASI, GRED N11	1	1	0
H11/H14/H16	PEMBANTU AWAM	38	36	2
N11/N14/N16	PEMBANTU OPERASI	3	3	0
H11/H14/H16	PEMANDU KENDERAAN	11	11	0
R3/R6 (KUP)	PEMANDU KENDERAAN, GRED R3 JAWATAN JUMUD, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMANDU KENDERAAN, GRED H11	1	1	0
R1/R4 (KUP)	PEKERJA AWAM, JAWATAN JUMUD, KUP. JAWATAN HAKIKI PEMBANTU AWAM GRED H11	3	3	0

JUMLAH KUMPULAN	101	98	3	
JUMLAH JABATAN	108	105	3	
JUMLAH KESELURUHAN	108	105	3	

CARTA ORGANISASI JABATAN PERBENDAHARAAN & UNIT LETAK KERETA



KETUA JABATAN / UNIT
NOR ALIA MUZAMUDDIN



PERBENDAHARAAN
PENOLONG AKAUNTAN
ERNI ELINA MOHAMAD EKSAN



UNIT LETAK KERETA
PEMBANTU PENGUATKUASA
MEOR MAHADHIR MEOR SHARIPUDDIN

UNIT PEMBAYARAN

UNIT HASIL

ATTENDAN TEMPAT LETAK KERETA



MOHAMMAD FAIRUZ AZMIR-RAS
PEMBANTU TADBIR



MARDIANA SAMSUDDIN
PEMBANTU TADBIR



MASTURA MIOR SABERI
PEMBANTU TADBIR



MOHD FAIZAL AHMAD
PEMBANTU TADBIR



HALSAN BAHARUM
PEMBANTU AWAM



NORKHAMARUL LAHOD
PEMBANTU AWAM

UNIT ASET DAN STOR

UNIT AKAUN



NUR DIYANA MOHD AZHAR
PEMBANTU TADBIR



AZLINDA AHMAD ADWAR
PEMBANTU TADBIR



NORSYAFIRA ADENAN
PEMBANTU TADBIR

JABATAN PERBENDAHARAAN

PENGENALAN

Jabatan Perbendaharaan adalah jabatan yang bertanggungjawab bagi segala urusan kewangan dan perakaunan Majlis Daerah Perak Tengah yang meliputi aspek kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan perakaunan.

Terdapat 4 bahagian di Jabatan Perbendaharaan iaitu:-

- 1. Bahagian Hasil**
- 2. Bahagian Pembayaran**
- 3. Bahagian Akaun**
- 4. Bahagian Aset**

OBJEKTIF

Menguruskan kewangan Majlis dan bertanggungjawab memastikan semua kutipan hasil dan perbelanjaan Majlis direkodkan serta dilaksanakan mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan, Akta Acara Kewangan.

FUNGSI

- 1 Melaksanakan kutipan hasil dan pembayaran serta mengakaunkan hasil dan perbelanjaan mengikut peraturan kewangan dan perakaunan.**
- 2 Menyelenggarakan akaun dan rekod dengan lengkap dan kemaskini bagi pengurusan kewangan dan tujuan pengauditan.**
- 3 Melaksanakan Sistem ePBT, Sistem eAset dan Sistem Pengurusan Stok.**
- 4 Menguruskan penyediaan Anggaran Belanjawan Tahunan.**
- 5 Menguruskan Penyediaan Penyata Kewangan Tahunan.**
- 6 Menguruskan proses perolehan pembelian bekalan.**
- 7 Menguruskan pengurusan aset dan inventori Majlis meliputi pendaftaran, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan dan kehilangan.**

PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan Kewangan MDPT telah menggunakan Sistem ePBT dimana semua pelaporan pengurusan kewangan dijana menggunakan system berkomputer tersebut.

Pada tahun 2020, MDPT telah memperuntukkan sebanyak RM14,008,083.00 bagi perbelanjaan mengurus dan anggaran penerimaan adalah sebanyak RM14,009,627.00. Penerimaan sebenar tahun 2020 adalah sebanyak RM12,776,344.00 manakala perbelanjaan mengurus sebenar tahun 2020 adalah RM11,110,377.00.


Pada tahun 2020 MDPT mengalami lebih pendapatan sebanyak RM1,665,967.00.

<u>Penerimaan</u>	<u>Tahun 2020</u>
Hasil Cukai	7,817,564
Hasil Bukan Cukai	3,046,820
Terimaan Bukan Hasil	1,911,960
Jumlah	12,776,344



<u>Perbelanjaan</u>	<u>Tahun 2020</u>
Emolumen	5,095,821
Perkhidmatan dan Bekalan	4,854,012
Aset	577,668
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	489,441
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	93,435
Jumlah	11,110,377

Penerimaan Tahun 2020



■ Hasil Cukai (61.19%) ■ Hasil Bukan Cukai (23.85%) ■ Terimaan Bukan Hasil (14.96%)

JABATAN PERBENDAHARAAN

FUNGSI JABATAN

UNIT KEWANGAN

- Melaksanakan kutipan hasil dan pembayaran serta mengakaunkan hasil dan perbelanjaan mengikut peraturan kewangan dan perakaunan.
- Menyelenggarakan akaun dan rekod dengan lengkap dan kemaskini bagi pengurusan kewangan dan tujuan pengauditan.
- Melaksanakan Sistem ePBT, Sistem eAset dan Sistem Pengurusan Stok.
- Menguruskan penyediaan Anggaran Belanjawan Tahunan.
- Menguruskan Penyediaan Penyata Kewangan Tahunan.
- Menguruskan proses perolehan pembelian bekalan.
- Menguruskan pengurusan aset dan inventori Majlis meliputi pendaftaran, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan dan kehilangan.

UNIT LETAK KERETA

Unit Letak Kereta adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan dan menguruskan tempat meletak kereta dalam kawasan Bandar Seri Iskandar, Majlis Daerah Perak Tengah.

TUJUAN

Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) memberikuasa kepada Majlis Daerah Perak Tengah untuk mengutip bayaran dan mengendalikan tempat-tempat letak kereta di kawasanya bertujuan seperti berikut:

- Memastikan perkhidmatan letak kereta di Bandar Seri Iskandar tersusun dan memenuhi keperluan pelanggan
- Memudahkan orang ramai meletak kenderaan secara tersusun untuk mewujudkan keselesaan dan kemudahan orang ramai.
- Mewujudkan persekitaran Bandar Seri Iskandar yang tersusun, terancang melalui perkhidmatan letak kereta yang bersistematik, cekap dan efektif agar tidak mengganggu lalulintas.




JABATAN PERBENDAHARAAN

Pengurusan Kewangan MDPT telah menggunakan Sistem ePBT dimana semua pelaporan pengurusan kewangan dijana menggunakan system berkomputer tersebut.


Pada tahun 2019, MDPT telah memperuntukkan sebanyak **RM12,531,666.00** bagi perbelanjaan mengurus dan anggaran penerimaan adalah sebanyak **RM12,532,845.00**. Penerimaan sebenar tahun 2019 adalah sebanyak **RM11,349,127.00** manakala perbelanjaan mengurus sebenar tahun 2019 adalah **RM10,689,325.00**.

Pada tahun 2019 MDPT mengalami lebih pendapatan sebanyak **RM659,802.00**.

PENDAPATAN



PERBELANJAAN



JABATAN PERANCANG PEMBANGUNAN

FUNGSI JABATAN

1. Merancang dan melaksanakan pembangunan kawasan majlis dengan tumpuan kepada pembangunan yang berorientasikan kepada pemuliharaan alam sekitar dan mewujudkan masyarakat Bandar yang seimbang dan harmoni
2. Merancang dan melaksanakan pembangunan landskap yang cantik dan berkualiti bagi memenuhi keperluan kehidupan masyarakat kearah mewujudkan keadaan persekitaran yang bersih indah dan menarik
3. Memelihara kawasan landskap di dalam kawasan Majlis Daerah Perak Tengah supaya kelihatan indah, ceria dan selamat
4. Menanam pokok-pokok teduhan dan pokok renek bagi memastikan keindahan dan keceriaan kawasan majlis Daerah Perak Tengah.
5. Kerja-kerja inventori pokok-pokok teduhan dan pokok renek.
6. Kerja-kerja persiapan landskap bagi peringkat Jabatan dan Daerah
7. Menerima dan menyelesaikan aduan awam berkaitan pokok teduhan yang perlu pemangkasan dan pokok tumbang
8. Memastikan landskap sedia ada dijaga dengan rapi seperti kerja-kerja pemangkasan pokok, membaja, menyiram dan menggembur untuk mewujudkan suasana landskap yang indah, bersih dan selamat.



Program Penanaman Pokok Sempena Program Kesedaran Alam Sekitar & Kem Kesihatan Di Puncak Iskandar Pada 15 Februari 2020.

JABATAN PERANCANG PEMBANGUNAN



Kerja – kerja penebangan pokok di Taman Farmasi Seri Iskandar pada 12 Mac 2020



Kerja – kerja penebangan pokok di Masjid As- Siddiq pada 18 Mac 2020



Kerja – kerja penebangan pokok di Stadium Bota pada 21 Mac 2020

JABATAN PERANCANG PEMBANGUNAN



Kerja – kerja penebangan pokok di Bandar Universiti 18 April 2020



Kerja – kerja penebangan pokok di Taman Bestari pada 1 Mei 2020



Membantu APM Kg. Gajah bagi Kerja – kerja penebangan pokok di
Kampung Gajah pada 5 April 2020

JABATAN KEJURUTERAAN DAN BANGUNAN

FUNGSI JABATAN

UNIT JABATAN KEJURUTERAAN

1. Memastikan semua pembangunan yang dilaksanakan mengikut Dasar-dasar Semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan.
2. Merancang dan melaksanakan semua projek pembangunan dikawasan Majlis untuk kesejahteraan dan pembangunan sosio-ekonomi penduduk tempatan. Diantara projek pembangunan yang dilaksanakan ialah:-
 - Infrastruktur (Jalan, longkang, lampu jalan)
 - Sosio-Ekonomi (Pasar, Gerai, Kompleks Niaga, Bengkel)
 - Kemudahan Sosial (Stesyen bas, Kemudahan Rekreasi, Alat permainan)
3. Melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan ke atas premis- premis milik Majlis serta Infrastruktur dan kelengkapan kemudahan awam.
4. Mendaftar dan merekod semua jalan-jalan baru di kawasan Majlis untuk dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya bagi mendapatkan peruntukan MARRIS (Geran Senggaraan Jalan).
5. Memberi ulasan dan menyediakan laporan untuk kelulusan bagi permohonan Pelan Kerja tanah /Pelan Jalan dan Perparitan kepada Jabatan Pusat Setempat(OSC) Majlis Daerah Perak Tengah.

UNIT BANGUNAN

Objektif utama Jabatan adalah untuk memastikan dan menyelaraskan semua bentuk pembangunan fizikal bagi kawasan-kawasan di dalam penguasaan Majlis Daerah Perak Tengah dan kawasan persekitaran yang mana di bawah kawalannya supaya:

- i. Dibina secara teratur,
- ii. Terancang dan seimbang menepati matlamat pembangunan Majlis,
- iii. Mematuhi segala polisi Majlis
- iv. Mematuhi Undang-Undang Kecil yang bersangkutan,
- v. Mempunyai tahap keselamatan yang baik, selesa untuk didiami dan bersih
- vi. Mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang sempurna dan berkualiti.



JABATAN KEJURUTERAAN DAN BANGUNAN

AKTIVITI

LAPORAN PRESTASI PROJEK TAHUN 2020




JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

FUNGSI JABATAN

1. Menjalankan kerja-kerja penilaian ke atas semua pegangan milik individu, swasta, kerajaan dan Badan-badan Berkanun bagi tujuan Cukai Taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK).
2. Memastikan bil-bil Cukai Taksiran dikeluarkan ke atas semua pegangan, mengeluarkan Notis E ke atas pegangan yang mempunyai tunggakan dan seterusnya mengeluarkan Waran F (sitaan) kepada pemilik / pembayar yang gagal menjelaskan notis tunggakan.
3. Menjalankan kerja-kerja Penilaian Semula bagi tujuan menyediakan suatu Senarai Nilai yang baru dan dinilai selaras dengan Aras Nilai Semasa (Tone of List).
4. Membuat Pindaan Senarai Nilai bagi bangunan-bangunan baru / tambahan.
5. Menyediakan Kadar Taksiran Tahunan bagi tujuan Cukai Taksiran.
6. Membuat kajian atau siasatan ke atas kawasan yang berpotensi untuk dimasukkan dalam kawasan Majlis serta berusaha dalam menangani masalah yang berbangkit dalam menjalankan kerja-kerja di atas.
7. Memastikan harta-harta majlis/ aset tak alih dijaga dan diselenggara dengan baik serta memantau aktiviti perniagaan penyewa.
8. Menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan keatas penyewa-penyewa yang mempunyai tunggakan sewaan melebihi 3 bulan.

PRESTASI KUTIPAN SEMASA CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2019 & 2020




■ KUTIPAN SEMASA TAHUN 2020
■ KUTIPAN SEMASA TAHUN 2019

TAHUN	CUKAI TAKSIRAN (RM)	KUTIPAN (RM)
TAHUN 2019	4,388,419.30	3,320,339.04
TAHUN 2020	4,540,234.44	2,835,963.98



**PRESTASI KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
TAHUN 2019 & 2020**




■ KUTIPAN TUNGGAKAN TAHUN 2020 ■ KUTIPAN TUNGGAKAN TAHUN 2019

TAHUN	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM)	KUTIPAN TUNGGAKAN (RM)
TAHUN 2019	2,828,467.28	608,408.32
TAHUN 2020	3,362,647.06	481,226.57

KATEGORI JENIS PEGANGAN	JUMLAH CUKAI TAKSIRAN
KEDIAMAN	1,638,696.89
KOMERSIAL	2,212,291.72
INDUSTRI	258,718.06
HARTA KHAS	76,957.88
TANAH KOSONG BANGUNAN	247,703.90
JUMLAH	4,434,368.45

FUNGSI JABATAN

1. Menyediakan segala kemudahan dan perkhidmatan sebagai asas mencapai mutu kehidupan yang lebih selesa dan meningkatkan taraf penduduk dalam kawasan Majlis.
2. Memperkemaskan dan meningkatkan mutu perkhidmatan dan perancangan pembangunan dalam semua bidang.
3. Menggalakkan dan menyediakan kemudahan, rekreasi dan riadah awam.
4. Mengindahkan kawasan Daerah Perak Tengah.
5. Menggalakkan pertumbuhan, aspirasi dan perdagangan.
6. Berusaha mencapai objektif dan aspirasi kerajaan termasuk melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional.
7. Memastikan makanan yang dijual atau dihasilkan adalah bersih, selamat dan berkualiti.
8. Mewujudkan persekitaran yang bersih, indah, selamat dan terancang.
9. Menyediakan dan memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan.
10. Memastikan kawasan operasi MDPT terhindar dari segala pencemaran terutama aspek sisa pepejal, pembangunan yang boleh menyebabkan kesihatan awam terancam.
11. Mengawalselia prestasi syarikat yang membekalkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
12. Melaksana, menggalakkan penyertaan dan mempertingkatkan kesedaran orang awam mengenai program kesedaran dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam



KAWALAN VEKTOR DAN PENYAKIT BERJANGKIT

KAWALAN HAIWAN MERAYAU



AKTIVITI KAWALAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN



PENGIKTIRAFAN PREMIS	PENARAFAN GRED	JULAT MARKAH	Pemeriksaan Ulangan	
AMAT BERSIH	A	86 – 100	Selepas 2 tahun	Ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan
BERSIH	B	71 – 85	Selepas 1 tahun	
KURANG BERSIH	C	51 – 70	Selepas 6 bulan	

*Nota: Premis yang mendapat markah 50% dan ke bawah tindakan susulan akan diadakan yang boleh membawa kepada penutupan premis.

AKTIVITI BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

KONSESI/ SYARIKAT YANG DILANTIK MELAKSANAKAN PERKHIDMATAN KEBERSIHAN AWAM DI KAWASAN OPERASI MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH.

PERKHIDMATAN	KONSESI/ SYARIKAT YANG DILANTIK		
Pemotongan Rumput Di Tepi Jalan Dan Pembersihan Lonkang/ Pembentung	PUNCAK EMAS INFRA SDN BHD		
Kutipan Dan Pelupusan Sisa Pepejal	ZON A	MAZHAR SDN BHD	Perkhidmatan Kutipan dan Pelupusan Sisa Pepejal di ambillah oleh MaiuPerak Utilities Management Sdn Bhd bermula pada 1 November 2020
	ZON B	TEGUH ANGGUN ENTERPRISE	
	ZON C	MAJU MAN ENTERPRISE	
	ZON D	WARISAN KUKUH ENTERPRISE	

AKTIVITI BAHAGIAN PELESENAN

AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN 2020
PENGELUARAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN BARU BERISIKO	15
PENGELUARAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN BARU TIDAK BERISIKO	92
PENGELUARAN PERMIT OUTDOOR CAFE	8
OPERASI KAWALAN PERNIAGAAN ANTARA AGENSI	9



UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

FUNGSI JABATAN


1. Peranan OSC adalah untuk memendekkan norma masa memproses permohonan secara serentak cadangan pemajuan sekaligus meningkatkan sistem penyampaian, prosedur dan proses cadangan pemajuan di PBT.
2. Fungsi OSC adalah seperti berikut:
 - a. Memproses dan menyelaras permohonan
 - Kebenaran Merancang
 - Pelan Bangunan
 - Pelan Jalan & Parit
 - Pelan Kerja Tanah
 - Pecah Sempadan & Ubah Syarat (Sek 124A KTN)
 - Penyerahan Balik dan Beri Milikan Semula (Sek 204D KTN)
 - b. Mengurusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC
 - Mesyuarat Jawatankuasa OSC diadakan 2 kali dalam sebulan
 - c. Memaklumkan keputusan kepada pemohon
 - d. Membuat perakuan permohonan kepada Pejabat Tanah
 - e. Menyediakan Laporan Status Permohonan

AKTIVITI

Jumlah permohonan yang diterima, di proses dan diselesaikan sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

Bilangan Permohonan Yang Diterima Dan Diselesaikan Daripada 01 JANUARI 2020 sehingga 31 DISEMBER 2020			
Permohonan Serentak	Kebenaran Merancang	Pelan Kejuruteraan	Pelan Bangunan
31	33	9	60
133			

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)



Sumber : Portal OSC www.epbt.gov.my/osc

Bilangan permohonan dan selesai mengikut piagam dari 01 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020.

Bilangan Mesyuarat	Jenis Permohonan	Bil Permohonan	Permohonan Selesai	Selesai Dalam Piagam	Selesai Melebihi Piagam
20 Kali	Permohonan Serentak	31	31 (100.00%)	23 (74.19%)	8 (25.81%)
	Kebenaran Merancang	33	33 (100.00%)	18 (54.55%)	15 (45.45%)
	Pelan Kejuruteraan	9	9 (100.00%)	7 (77.78%)	2 (22.22%)
	Pelan Bangunan	60	60 (100.00%)	38 (63.33%)	22 (36.67%)
	Jumlah	133	133 (100.00%)	86 (64.66%)	47 (35.34%)

Sumber: Portal OSC <https://portalosc.kpkt.gov.my>

UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN HAL EHWAL KOMUNITI

FUNGSI

1. Bertanggungjawab menerima, menyelaraskan pengurusan aduan jabatan.
2. Bertanggungjawab menguruskan Program Kualiti:
 - Anugerah Inovasi.
 - Program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).
3. Menguruskan Penerbitan
 - Buletin
 - Laporan Tahunan
4. Mengendalikan urusan protokol, sambutan majlis rasmi termasuk bertanggungjawab menyusun atur dan menyelaraskan lawatan daripada pihak luar ke Majlis.
5. Menyelaraskan sewaan
 - Dewan
 - Gelanggang
 - Padang

PERKHIDMATAN



Pengurusan Aduan

MENERIMA SETIAP ADUAN
DARIPADA ORANG RAMAI DAN
MEMBANTU MENYELESAIKAN
ADUAN



Sewaan Gelanggang

GELANGGAN BADMINTON
GELANGGANG FUTSAL
GELANGGANG SQUASH



Sewaan Dewan

DEWAN SERBAGUNA SERI ISKANDAR
DEWAN TERBUKA PARIT
DEWAN MDPT KAMPONG GAJAH



Penerbitan

LAPORAN TAHUNAN
BULETIN



Sewaan Padang

PADANG SERI ISKANDAR
MINI STADIUM PARIT
MINI STADIUM BAKRI RAIS, BOTA
MINI STADIUM KAMPONG GAJAH
PADANG KAMPONG GAJAH



Perkhidmatan

BANTUAN PERSIAPAN UNTUK
MAJLIS RASMI
PERINGKAT DAERAH / NEGERI



Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)

SEMAKAN DAN MENYELARAS
BANTUAN BAIK PULIH RUMAH MISKIN
BANDAR

PENGURUSAN ADUAN

Jumlah Aduan diterima

410

Setiap aduan akan diberi maklum balas penerimaan aduan dalam tempoh 1 hari bekerja dan pemakluman status tindakan diambil dalam tempoh 14 hari



JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA




JUMLAH ADUAN YANG DISELESAIKAN

Saluran Aduan Awam

+6011-6338 2772
1800-88-2772
eaduan@peinfra.com

adalah pusat talian aduan yang boleh anda hubungi sekiranya anda mempunyai sebarang aduan berkaitan jalan berlubang, pemotongan rumput, pokok tumbang, papan tanda, lampu jalan serta pembersihan longkang.



PECAHAN ADUAN MENGIKUT KATEGORI

JUMLAH ADUAN MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH
MENGIKUT KATEGORI TAHUN 2020




ANALISA BILANGAN PENGADU MENGIKUT BANGSA

Keterangan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
CINA	1	2	1	-	-	2	-	1	1	1	-	-	9
INDIA	-	-	-	-	-	2	-	-	-	-	-	-	2
LAIN-LAIN	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	1
MELAYU	47	37	22	21	27	58	43	24	29	34	30	26	398
	48	39	23	21	27	62	44	25	30	35	30	26	410

KUTIPAN SEWA DEWAN PENGADU MENGIKUT BANGSA



KUTIPAN SEWA DEWAN DAN GELANGGANG
TAHUN 2020



UNIT UNDANG - UNDANG

FUNGSI JABATAN

1. Memberi nasihat, pendapat dan pandangan perundangan kepada Majlis.
2. Menyediakan dan menyemak draf Perjanjian atau Kontrak yang melibatkan Majlis Daerah Perak Tengah.
3. Bertanggungjawab dalam penyediaan undang-undang baharu dan pandang undang-undang kecil sedia ada.
4. Membuat tuntutan hutang, tuntutan sivil terhadap mana-mana individu/syarikat yang mempunyai tunggakan hutang dengan Majlis.
5. Menerima dan merekod rayuan kompaun.
6. Mendaftarkan kes dan menjalankan pendakwaan bagi kes atau kesalahan di bawah undang-undang yang digunakan oleh Majlis Daerah Perak Tengah.
7. Menyediakan laporan dan kertas kerja perundangan.

AKTIVITI



UNIT PENGUATKUASA



FUNGSI JABATAN

1. Penyeliaan dan pengawasan haiwan merayau.
2. Penyeliaan dan penguatkuasaan Pasar Harian, Sehari dan Malam.
3. Penyiasatan dan penguatkuasaan aduan awam dan kacauganggu.
4. Penyeliaan dan pengawalan kebersihan Awam (Semak Samun).
5. Pengawasan dan penguatkuasaan halangan tempat awam.
6. Mengambil tindakan susulan bagi kompaun tidak berbayar.
7. Memberi khidmat sokongan pelbagai jabatan MDPT berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang.



BIL	NOTIS MENGIKUT AKTA	JUMLAH
1.	SEKSYEN 74, AKTA 171 (SEMAK-SAMUN)	38
2.	SEKSYEN 46 AKTA133 (HALANGAN)/AKTA171(KA CAUGANGGU)	36
JUMLAH		74

Notis atas pelbagai kesalahan di bawah Akta dan Undang-undang kecil MDPT

BUTIRAN	JUMLAH
NOTIS	74

Jumlah notis yang telah dikeluarkan 2020

BUTIRAN	JUMLAH
KOMPAUN	RM 2,500.00

Jumlah kompaun yang telah dikeluarkan 2020





AKTIVITI 2022

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

MAJLIS JASAMU DI KENANG

Majlis Jasamu Dikenang MDPT 2020 bertempat di D' Hotel Seri Iskandar. Majlis ini dianjurkan sempena meraikan 2 orang bekas kakitangan MDPT yang bersara pada tahun 2020. Majlis dimulakan dengan ucapan doa dan seterusnya, majlis diteruskan dengan ucapan oleh pesara-pesara yang diraikan.



Tuan Yang Dipertua turut menzahirkan ucapan penghargaan di atas segala sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan oleh mereka sepanjang berkhidmat sebagai penjawat awam di MDPT

Turut ditayangkan video 'Jasamu Dikenang' yang memaparkan kronologi perkhidmatan dan anugerah-anugerah yang diperoleh pesara sepanjang berkhidmat sebagai penjawat awam.




Majlis diakhiri dengan penyampaian cendera mata dan sijil penghargaan serta sesi bergambar.

Turut hadir bersama ialah Tuan Setiausaha, Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan Unit dan semua warga kerja MDPT.



OPERASI SANITASI COVID-19

Aktiviti sanitasi oleh petugas- petugas Jabatan Kesihatan Awam, MDPT di Pusat Penjaja Pasar Awam, Medan Selera, pondok bas, tandas awam taman permainan di sekitar Seri Iskandar, Parit, Bota dan Kampung Gajah



MAJLIS ANGKAT SUMPAH

Majlis Angkat Sumpah Menerima Jawatan Ahli Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) berlangsung di Dewan Mesyuarat Dato' Sagor, seramai 24 orang ahli majlis telah mengangkat sumpah.

Turut hadir, Exco Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia YB. Encik Khairul Shahril bin Mohamed. Dalam ucapannya, beliau menyampaikan sekalung tahniah kepada semua Ahli Majlis yang dilantik. Beliau turut memaklumkan bahawa Ahli-ahli Majlis berperanan sebagai instrumen yang penting dalam hierarki sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan turut menjadi pendokong dasar pembangunan negara dan negeri Perak secara amnya. Ahli-ahli Majlis turut berperanan sebagai Area Officer dan penyampai dasar-dasar PBT kepada rakyat selain berfungsi sebagai tenaga penggerak kepada program-program PBT. Justeru, Ahli-Ahli Majlis perlu menjalin kerjasama bukan sahaja dengan pihak pengurusan dan warga kerja PBT malah harus mempunyai hubungan yang baik dengan jabatan-jabatan daerah agar pelbagai urusan dapat dipermudahkan demi kepentingan rakyat.



Antara barisan Ahli Majlis, Majlis Daerah Perak Tengah tahun 2020/2021

MDPT LAKSANA KEMPEN PENGURANGAN KOMPAUN SERENDAH RM3

Seri Iskandar , 29 Julai 2020: Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) melaksanakan kempen “Promosi Hebat” bermula 1 Ogos sehingga 31 Ogos ini, bagi pengurangan kompaun letak kereta serendah RM3.

Yang Dipertua Tuan Ayub Shadan bin Abdul Rani berkata, tawaran selama 30 hari itu dilaksanakan sempena Bulan Kemerdekaan.



PROMOSI HEBAT

POTONGAN SEHINGGA **70%**

01 OGOS 2020 HINGGA 31 OGOS 2020

PENGURANGAN KADAR KOMPAUN TEMPAT LETAK KERETA MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

REBUTLAH PELUANG INI UNTUK MEMBAYAR KOMPAUN TERTUNGGAK ANDA SEBELUM TINDAKAN MAHKAMAH DIAMBIL

JENIS KESALAHAN	KADAR KOMPAUN	KADAR SELEPAS PENGURANGAN KOMPAUN 70%
KOMPAUN TEMPAT LETAK KERETA	RM 50.00	RM 15.00
	RM 40.00	RM 12.00
	RM 30.00	RM 9.00
	RM 20.00	RM 6.00
	RM 10.00	RM 3.00

SEMAKAN KOMPAUN ANDA DI TALIAN TELEFON 05 - 3712688 (Smb. 175)

Kempen ini diadakan bagi memberi peluang kepada orang ramai menjelaskan kompaun mereka terutama yang sudah sekian lama tertunggak.

“Kadar serendah RM3 ini dapat membantu pelanggan yang tidak berkesempatan menjelaskan kompaun mereka sebelum ini, sekali gus dapat diselesaikan mengikut tarikh ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Penuh di Dewan Mesyuarat Dato' Sagor di sini hari ini.

“Oleh itu, orang ramai digesa merebut peluang keemasan ini untuk menjelaskan kompaun mereka sebelum tempoh tawaran tamat pada 31 Ogos.





LAWATAN YB DATO' NOLEE ASHILIN BT DATO' MOHAMMED RADZI EXCO PERUMAHAN, PELANCONGAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE KAMPONG GAJAH

17 Oktober 2020 - Kampong Gajah. YB. Dato' Nolee Ashilin binti Mohammed Radzi, YB Datuk Dr Wan Norashikin binti Wan Noordin, Pegawai Daerah, Yang Dipertua serta pegawai Jabatan Negeri dan MDPT berkesempatan untuk membuat tinjauan di Litar Dato Sagor bagi melihat sendiri keadaan sebenar litar. Lawatan ini bertujuan melihat potensi kawasan Kampong Gajah untuk dijadikan destinasi tarikan pelancongan.



TALIMAT PELANCONGAN DAERAH

Taklimat pembangunan pelancongan Daerah Perak Tengah oleh Pegawai MDPT. Turut hadir bersama Pegawai Daerah dan YB ADUN Kampong Gajah



LAWATAN MENYELUSURI SUNGAI PERAK

Lawatan menyelusuri Sungai Perak bagi meninjau potensi pelancongan di sepanjang sungai .



TINJAUAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN SUKAN BERMOTOR

YB Exco Pelancongan meninjau potensi Litar Dato' Sagor untuk dinaik taraf sebagai tarikan sukan permotoran di Daerah Perak Tengah khususnya dan Negeri Perak amnya.

PROGRAM GOTONG-ROYONG BERSAMA KOMUNITI PENIAGA DAN PENDUDUK TEMPATAN



Lebih 250 peserta terdiri daripada warga MDPT, penduduk serta peniaga telah menyertai Program Gotong Royong di Pekan Parit dan Mini Stadium Parit yang telah diadakan secara serentak. Program yang turut dihadiri oleh YB Ahli Parlimen Parit, Yang Dipertua MDPT serta Ahli Majlis ini melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembersihan sampah haram, menanggal poster along, mengecat tandas dan pemangkasan pokok, pembersihan scupper hole dan kaki lima serta pembersihan sekitar kawasan. .

Tanggungjawab menjaga kebersihan Pekan Parit ini adalah tanggungjawab bersama dalam memastikan persekitaran kawasan pekan sentiasa dalam keadaan bersih.

Semoga kerjasama erat antara warga MDPT, Penduduk dan peniaga seumpama ini akan membantu MDPT dalam mengekalkan Daerah Perak Tengah ini sebagai salah sebuah daerah yang bersih. Pada program tersebut turut diadakan majlis penghargaan kepada komuniti peniaga seperti pembayaran sewa terbaik, gerai terbersih dan premis terbaik.



MONTHLY

8K TOTAL ENGAGED USERS

ENGAGEMENT


17K POST CLICKS

10K REACTIONS, COMMENTS & SHARES

Whether you choose to have a monthly or quarterly report, there are some tips you can learn to help your report shine. First is to make the report relevant to your audience. Selecting the right information from a glut of data makes a difference in supporting the goals of your team and organization. Second, keep in mind that social media statistics don't operate in a vacuum. That's why you need to relate current data to previous data. Lastly, aside from keeping it simple, your report should always answer "so what?"




Majlis Bacaan Yaasin dan Perhimpunan Anggota Bil 4/2020



Perhimpunan Bulanan bil 4/2020 dimulakan dengan Majlis Bacaan Yaasin yang dipimpin oleh Tuan Setiausaha, Encik Nor Akmal bin Yang Ghazali.

Pada perhimpunan ini juga diadakan penyampaian sijil EKSA kepada Zon Terbaik, work station terbaik dan penyampaian penghargaan MDPT sebagai Naib Johan Pertandingan Keceriaan Hari Kebangsaan 2020 peringkat Daerah Perak Tengah






MAJLIS ANGKAT SUMPAAH

Majlis Angkat Sumpah Menerima Jawatan Ahli Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) berlangsung di Dewan Mesyuarat Dato' Sagor, seramai 24 orang ahli majlis telah mengangkat sumpah. Turut hadir, Exco Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia YB. Encik Khairul Shahril bin Mohamed. Dalam ucapannya, beliau menyampaikan sekalung tahniah kepada semua Ahli Majlis yang dilantik. Beliau turut memaklumkan bahawa Ahli-ahli Majlis berperanan sebagai instrumen yang penting dalam hierarki sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan turut menjadi pendokong dasar pembangunan negara dan negeri Perak secara amnya. Ahli-ahli Majlis turut berperanan sebagai Area Officer dan penyampai dasar-dasar PBT kepada rakyat selain berfungsi sebagai tenaga penggerak kepada program-program PBT. Justeru, Ahli-Ahli Majlis perlu menjalin kerjasama bukan sahaja dengan pihak pengurusan dan warga kerja PBT malah harus mempunyai hubungan yang baik dengan jabatan-jabatan daerah agar pelbagai urusan dapat dipermudahkan demi kepentingan rakyat.







MUKA AKHIR LAPORAN